

Gembleng kolaborasi sekolah, persatuan sukan cungkil bakat murid

Oleh Rafidah Mat Ruzki - Ogos 7, 2022 @ 7:50pm
fidahruzki@bh.com.my



Menteri Kanan Pendidikan, Datuk Dr Radzi Jidin. - BERNAMA

PUTRAJAYA: Pihak sekolah digalakkan bekerjasama dengan pelbagai pihak luar termasuk persatuan sukan di kawasan masing-masing, dalam usaha mencungkil lebih banyak bakat sukan dalam kalangan murid.

Menteri Kanan Pendidikan, Datuk Dr Radzi Jidin, berkata di kementerian, pihaknya sentiasa ingin memastikan potensi dan bakat yang ada dalam kalangan murid termasuk dalam bidang sukan, dapat dioptimumkan.

Beliau berkata, ia termasuklah bekerjasama dengan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dalam mengasuh bakat sukan bola sepak melalui My Little League yang dilancarkan beberapa minggu lalu.

Selain itu, katanya pencarian bakat dalam sepak takraw akan turut dilancarkan tidak lama lagi bagi mengasuh bakat murid berikutan suatu masa dulu, Malaysia pernah menjadi kuasa besar sepak takraw di dunia.

"Dalam konteks bola tampar pula, kita berada dalam kedudukan lima dan enam dalam kalangan negara Asia Tenggara dan di sekolah banyak bakat dalam sukan itu, namun tidak dioptimumkan potensi mereka.

"Sebab itu kita mengadakan banyak kerjasama dengan pelbagai pihak...bukan hanya untuk memastikan kita dapat mencungkil bakat baharu, tetapi juga bagi memberi keyakinan kepada anak-anak kita di sekolah bahawa mereka mempunyai kekuatan masing-masing," katanya

Beliau berkata demikian selepas merasmikan penutup Kejohanan Bola Tampar Amatur Putrajaya di Dewan Gemilang Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Putrajaya Presint 16(1), di sini, hari ini.

Selain kerjasama mencungkil bakat, Radzi berkata, pelbagai pihak terutama badan korporat dan swasta digalakkan turut serta dalam bidang pembangunan akademik dan kokurikulum, termasuk membabitkan penyelenggaraan kemudahan sukan di sekolah.

Katanya, melalui penubuhan Yayasan Didik Negara, ia akan membantu Kementerian Pendidikan (KPM) untuk bekerjasama dengan pihak korporat dan swasta.

Beliau berkata, keutamaan peruntukan KPM ketika ini adalah untuk memastikan kemudahan sekolah sukan iaitu program yang lebih rasmi, sama ada di peringkat kebangsaan mahupun negeri dan program sukan di daerah terus dipertingkatkan.

"Tumpuan kita adalah untuk melihat 'niche area' (bidang khusus) dan kekuatan masing-masing untuk kita salurkan peruntukan yang ada itu, bagi memastikan setiap sen yang diberikan dapat dioptimumkan potensinya.

"Sebab itu kita amat mengalu-alukan pembabitkan semua pihak dalam kita menjayakan pembangunan sistem pendidikan negara.

"KPM tidak mampu melakukannya bersendirian," katanya.